Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

# SOALAN LAZIM MENGENAI BANTUAN PRIHATIN NASIONAL 2.0 (BPN 2.0)

## A. PENGENALAN BPN 2.0

**1. Apakah BPN 2.0?**

BPN 2.0 adalah bantuan tambahan yang disediakan oleh Kerajaan Perikatan Nasional kepada golongan B40 dan M40 (kadar pendapatan di Soalan 5) untuk meringankan beban rakyat akibat pandemic COVID-19.

Pemberian BPN 2.0 adalah berdasarkan pangkalan data BPN 2020 (B40 dan M40) yang merangkumi 10.6 juta penerima yang diluluskan sebelum ini.

**2. Siapakah yang layak menerima BPN 2.0?**

Penerima **BPN 2.0** adalah penerima yang telah menerima bayaran terakhir BPN 2020 sebelum ini.

**3. Adakah saya perlu membuat permohonan BPN 2.0?**

Anda tidak perlu memohon BPN 2.0 sekiranya telah menerima bayaran terakhir BPN 2020 sebelum ini.

**4. Adakah permohonan baharu boleh dibuat sekiranya tidak tersenarai sebagai penerima BPN 2.0?**

Permohonan baharu BPN 2.0 boleh dibuat mulai 15 Oktober 2020 - 15 November 2020 (1 bulan).

## B. PEMBAYARAN BPN 2.0

**5. Berapakah bayaran BPN 2.0 yang akan diterima?**

Jumlah bayaran yang akan diterima adalah seperti berikut:

| Kategori | | Pendapatan | Fasa Bayaran | | Jumlah |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| | | | Bayaran Fasa Pertama | Bayaran Fasa Kedua | |
| Isi Rumah | B40 | RM4,000 ke bawah | RM700 | RM300 | RM1,000 |
| | M40 | RM4,001-RM8,000 | RM400 | RM200 | RM600 |
| Bujang | B40 | RM2,000 ke bawah | RM350 | RM150 | RM500 |
| | M40 | RM2,001-RM4,000 | RM200 | RM100 | RM300 |
| | | | Tarikh Bayaran | | |
| | | | Mulai 19 Oktober 2020 | Januari 2021 | |

**6. Bilakah tarikh pembayaran BPN 2.0 akan dibuat?**

Pembayaran BPN 2.0 adalah seperti berikut:

i. Fasa Pertama: Pengkreditan ke akaun Mulai 19 Oktober 2020
Penunaian di Kaunter BSN mulai 26 Oktober 2020

ii. Fasa Kedua: Januari 2021

**7. Bagaimanakah kaedah bayaran BPN 2.0 ini dilaksanakan?**

Pembayaran BPN 2.0 adalah seperti kaedah pembayaran terakhir BPN 2020 sebelum ini:

| Bil | Perkara | Kaedah bayaran |
| --- | --- | --- |
| i. | Ada akaun bank: | |
| | • Berjaya kredit | Kredit ke akaun bank yang didaftarkan dalam pangkalan data BPN |
| | • Gagal kredit (akaun tidak aktif dan akaun tutup) | Tuntutan Tunai di Cawangan BSN |
| ii. | Tiada akaun bank | Tuntutan Tunai di Cawangan BSN |

**8. Bagaimanakah kaedah pembayaran BPN 2.0 bagi penerima pedalaman di Negeri Sabah dan Sarawak?**

Kaedah pembayaran bagi penerima kawasan pedalaman Negeri Sabah dan Sarawak yang tiada akaun bank akan bermula bulan Januari 2021 dan bayaran dibuat secara penuh melalui pihak Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

9. **Bolehkah saya membuat kemas kini maklumat diri seperti akaun bank yang telah tidak aktif?**

   Kemas kini maklumat akaun bank tidak dibenarkan kerana kaedah pembayaran BPN 2.0 adalah seperti kaedah pembayaran terakhir BPN 2020 sebelum ini (Rujuk Jawapan bagi Soalan 7).

10. **Sekiranya bayaran dibuat ke akaun bank yang tidak aktif atau salah, apakah yang perlu saya lakukan?**

    Tuntutan boleh dibuat secara tunai di Cawangan BSN setelah nombor siri wujud pada paparan semakan. Semakan boleh dibuat pada portal rasmi BPN, https://bpn.hasil.gov.my. Penerima BPN 2.0 perlu memastikan data akaun bank adalah tepat bagi memastikan pembayaran dapat disalurkan ke akaun yang betul.

## C. SEMAKAN STATUS

11. **Bila dan bagaimana semakan status penerimaan BPN 2.0 boleh dibuat?**

    Penerima BPN sebelum ini (sedia ada) yang layak menerima BPN 2.0 boleh membuat semakan status mulai 15 Oktober 2020 di Portal Rasmi BPN iaitu .https://bpn.hasil.gov.my.

12. **Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terlupa kata laluan semasa log masuk Portal BPN dan gagal menjawab soalan keselamatan yang diminta?**

    Pemohon perlu menunggu 10 minit untuk mencuba semula menjawab soalan keselamatan. Jika masih terlupa pemohon diminta untuk menghubungi talian LHDNM Hasil Care Line (HCL) di talian 03- 89111000 (bagi tindakan set semula akaun dan soalan keselamatan) atau hubungi Cawangan / PKH / UTC LHDNM yang berhampiran.

## D. HAL-HAL LAIN

13. **Berdasarkan semakan, saya telah lulus sebagai penerima M40 semasa BPN 2020. Bolehkah saya merayu untuk menerima bayaran sebagai penerima B40 bagi BPN 2.0?**

    Kategori kelayakan BPN 2.0 adalah berdasarkan kelulusan terakhir BPN 2020.

14. **Saya adalah penerima BPN 2020 di bawah kategori Bujang dan telah berkahwin. Adakah saya layak untuk menerima BPN 2.0 kategori isi rumah?**

    Anda boleh mengemukakan Permohonan / Rayuan mulai 15 Oktober 2020 di bawah kategori Isi Rumah sekiranya menepati syarat kelayakan. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian dengan memuatnaik salinan dokumen pengesahan status perkahwinan terkini (Sijil Kahwin / Sijil Cerai / Sijil Kematian pasangan) atau kemukakan secara manual ke Cawangan LHDNM bersama Borang Permohonan.

15. **Saya adalah pasangan kepada penerima BPN 2020 sebelum ini di bawah kategori Isi Rumah dan telah bercerai. Adakah saya layak untuk menerima BPN 2.0 kategori ibu / bapa tunggal?**

    Anda boleh mengemukakan Permohonan / Rayuan mulai 15 Oktober 2020 kategori ibu / bapa tunggal sekiranya menepati syarat kelayakan. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian dengan memuatnaik salinan dokumen pengesahan status perkahwinan terkini (Sijil Kahwin / Sijil Cerai / Sijil Kematian pasangan) atau kemukakan secara manual ke Cawangan LHDNM bersama Borang Permohonan.

16. **Saya merupakan bujang yang akan memasuki umur 21 tahun pada 2021. Sekiranya saya belum cukup umur 21 tahun semasa permohonan dibuka, adakah saya layak memohon?**

    Pemohon yang layak memohon adalah pemohon yang lahir pada tahun1999 dan ke bawah.

17. **Saya telah menerima bayaran BPN 2020 sebelum ini dan ingin menolak BPN 2.0. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran BPN 2.0 yang diterima?**

    Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

    i. Anda dinasihatkan mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia dengan menyatakan nama penuh, nombor MyKad dan sebab pemulangan;

    ii. Lampirkan draf bank / cek atas nama **Akauntan Negara Malaysia** (mengikut jumlah pemulangan); dan

    iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

    **Pejabat Belanjawan Negara**
    **Kementerian Kewangan Malaysia**
    **Presint 2, 62592 Putrajaya.**

Kemaskini: 26 Oktober 2020